

Pelajaran Keselamatan Proses daripada kebakaran kapal April 2022



Pada 12 Julai 2020, kebakaran berlaku di kapal Tentera Laut AS USS Bonhomme Richard semasa ia berlabuh di San Diego, California. Api marak selama 5 hari dan merebak sehingga ke 11 daripada 15 dek kapal. Suhu daripada kebakaran melebihi 1400 °F (760 °C). Kerugian kewangan adalah lebih daripada 3 bilion dolar, dan kapal itu ditamatkan perkhidmatannya.

Susulan daripada kebakaran tersebut, Tentera Laut AS menjalankan kajian terhadap 15 kebakaran di kapal dalam tempoh 12 tahun sebelum kebakaran *Bonhomme Richard*. Kajian ini mengenal pasti pelbagai faktor yang berulang, dari segi cara kebakaran bermula dan juga bagaimana ia merebak. Beberapa faktor yang menyebabkan kebakaran kapal Tentera Laut juga berpotensi menjadi punca kebakaran, atau untuk kebakaran berkembang menjadi insiden yang lebih teruk, dalam industri proses.

Rujukan: "Major Fires Review Executive Summary, Commander, U. S. Fleet Forces Command and Commander, US Pacific Fleet, July 15, 2021 (Release October 19, 2021). <https://www.documentcloud.org/documents/21089015-for-release-major-fires-review-19-oct-21>

Tahukah Anda?

Beberapa penemuan daripada siasatan Tentera Laut AS yang berkaitan dengan loji industri proses termasuk:

- Bahan-bahan yang tidak dibenarkan dibawa ke atas kapal.
- Bahan yang boleh terbakar dan berbahaya telah dikendalikan dan disimpan dengan cara salah.
- Prosedur tidak diikuti, dan program pemeriksaan tidak berkesan.
- Jumlah bahan boleh bakar dan berbahaya yang berlebihan disimpan dalam bekas mudah alih tanpa penaksiran risiko kebakaran.
- Tiada semakan menyeluruh, kelulusan atau pengawasan kerja panas, dan tiada langkah-langkah pencegahan kebakaran atau pelan tindak balas kebakaran disediakan.
- Kakitangan tidak mahir dalam penggunaan sistem pengesanan dan pencegahan kebakaran serta peralatan komunikasi kecemasan.

Apa Yang Boleh Anda Lakukan?

- Jika loji anda mengendalikan bahan mudah terbakar, bahan boleh bakar atau lain-lain bahan berbahaya dalam bekas mudah alih, ia perlu sentiasa disimpan di kawasan yang ditetapkan yang mana mematuhi peraturan dan piawaian penyimpanan bahan tersebut.
- Kembalikan bahan yang tidak digunakan dalam bekas ke kawasan penyimpanan yang ditetapkan dengan segera apabila ia tidak lagi diperlukan di kawasan produksi.
- Pastikan prosedur kerja di loji anda dipatuhi untuk kerja panas dan kerja-kerja lain yang memerlukan permit.
- Semak Beacon lain yang membincangkan kerja panas (6/2018, 5/2020, 8/2020, 8/2021, 3/2022, carian untuk "Beacon" di www.aiche.org).
- Sertai latihan kecemasan dan laporkan sebarang isu yang anda perhatikan semasa latihan supaya prosedur kecemasan boleh dipertambahbaikan.
- Jika loji anda tidak mempunyai latihan kecemasan baru-baru ini, cadangkan supaya satu latihan dijalankan.
- Semak laporan Tentera Laut AS yang dirujuk dan cari pelajaran lain yang berkaitan dengan kilang anda.

Cari pelajaran keselamatan proses dalam berita!